

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

98.2 peratus kes baharu babit pesakit tak bergejala, gejala ringan

Putrajaya: Sebanyak 98.2 peratus daripada 12,528 kes baharu COVID-19 semalam, membabitkan kategori satu dan dua iaitu 6,840 kes bagi pesakit tiada gejala serta 5,468 kes bergejala ringan.

Baki 1.8 peratus lagi membabitkan kategori tiga iaitu 112 kes pesakit mengalami radang paru-paru; 44 kes kategori empat yang memerlukan bantuan oksigen dan 64 kes kategori lima iaitu kritikal menggunakan ventilator.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jumlah keseluruhan kes COVID-19 sejak Januari tahun lalu hingga kini sudah mencecah 905,851 kes susulan peningkatan 12,528 kes baharu setakat jam 12 tengah hari semalam.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) juga merekodkan 138 kes kematian semalam iaitu yang tertinggi setakat ini, menjadikan jumlah kes kematian sebanyak 6,866 kes atau 0.76 peratus.

Beliau berkata, Selangor semalam mencatatkan 4,985 kes jangkitan baharu, diikuti Kuala Lumpur dengan 1,740 kes dan 1,280 kes di Negeri Sembilan, manakala Kedah (701 kes), Sabah (647), Johor (625) serta Melaka (569).

"Pada keseluruhannya 98.2 peratus kes hari ini (semalam) berada pada kategori satu dan dua," katanya dalam perkongsian melalui media sosial Facebooknya, semalam.

Sementara itu, 12,509 daripada kes dilaporkan semalam adalah penularan tempatan, manakala 19 lagi kes import.

Ketika ini, jumlah kes aktif sebanyak 119,814 kes atau 13.23 peratus daripada keseluruhan kes direkodkan di negara ini.

Sebanyak 908 kes kini dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 425 pesakit memerlukan alat bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 6,629 kes sudah sembuh sepenuhnya dan dibenarkan pulang setakat tengah hari semalam, menjadikan jumlah kes sembuh keseluruhan 779,171 kes.

138

kematian direkod semalam

908 kes

masih dirawat di ICU

Terkini COVID-19 6,629 Pulih, dibenarkan keluar hospital, semalam

12,528 Kes baharu disahkan, semalam

6,866 Jumlah kematian dicatat

905,851 jumlah kes disahkan positif

119,814 kes yang masih dirawat

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NEGARA



MUHYIDDIN (kiri) semasa melawat Bahagian Kecemasan serta Jabatan Forensik Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang pada Selasa lalu.

Dunia sedang catat trend kenaikan kes Covid-19

PM arah KKM lebih waspada varian ganas

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengarahkan Kementerian Kesihatan (KKM) supaya lebih bersedia untuk menerima kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital dan memberikan rawatan terbaik kepada mereka.

Beliau berkata, ini berikutan dunia sedang mencatatkan trend kenaikan kes-kes Covid-19 dengan kemunculan varian-varian baharu yang lebih ganas.

Beliau bagaimanapun, berkata, data-data menunjukkan kes-kes Covid-19 yang serius mencatat penurunan ketara dengan pemberian vaksin.

Dengan memberi contoh pe-

sakit dalam kalangan kumpulan warga emas berusia 60 tahun ke atas, Perdana Menteri berkata, trend kemasukan ke Hospital Sungai Buloh bagi kes positif kategori 4 dan 5 menunjukkan penurunan melebihi 50 peratus dalam tempoh sebulan lalu.

“Begitu juga bagi petugas KKM di mana didapati hanya 1.26 peratus dalam kalangan petugas KKM dijangkiti Covid-19 selepas lengkap divaksinasi.

“Sebanyak 99.8 peratus daripada mereka pula hanya mengalami gejala ringan atau tidak bergejala dan tiada yang mengalami Covid-19 kategori 5,” katanya dalam kenyataan di Facebook rasmi beliau semalam.

Sementara itu, beliau turut

memberi contoh vaksinasi di Labuan iaitu tempat di mana varian Delta (*sublineage* B.1.617.2) mula dikesan di negara ini.

Menurutnya, hasil tindakan segera kerajaan menambah bekalan vaksin di Wilayah Persekutuan itu menyaksikan jumlah kes positif dan kes kematian Covid-19 dapat dikurangkan dengan peningkatan kadar vaksinasi.

Selain itu, katanya, penjelasan Ketua Pengarah Kesihatan bahawa lebih 90 peratus kes positif Covid-19 di negara ini adalah dalam kategori satu dan dua agak melegakan.

“Ini bermakna, kebanyakannya adalah tidak bergejala atau bergejala ringan yang mampu untuk pulih semula,” ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Jangan jadi korban Covid-19 kerana sambut Aidiladha

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menasihati orang ramai khususnya semasa sambutan Hari Raya Aidiladha supaya bertanggungjawab dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) agar tidak 'terkorban' kerana Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia susulan pihaknya merekodkan 21 kluster yang melibatkan aktiviti rentas negeri bagi tujuan sambutan perayaan, mengunjungi ahli keluarga, menghadiri majlis pengubumian serta atas urusan kerja.

"Dalam tempoh 1 Jun sehingga 16 Julai 2021 sahaja, sebanyak 1,010 kes positif Covid-19 telah dilaporkan dalam 21

kluster ini iaitu daripada 5,681 individu yang disaring kadar positifiti ialah 17.8 peratus.

"Negeri-negeri yang melaporkan jumlah kluster rentas negeri tertinggi sejak 1 Jun adalah Perak dengan lapan kluster (38.1 peratus), Terengganu dengan lima kluster (23.8 peratus) serta Kelantan dengan tiga kluster (14.3 peratus)," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Menurut beliau, kumpulan berisiko tinggi

seperti warga emas dan mereka yang mempunyai masalah kesihatan seperti penyakit diabetes atau kanser merupakan kumpulan yang sangat mudah terkesan dengan jangkitan Covid-19.

"Kita harus sedar bahawa sistem pertahanan tubuh mereka adalah lebih rendah dan membuatkan mereka mudah dijangkiti Covid-19.

"Tahap kesihatan mereka juga mudah merosot apabila dijangkiti Covid-19, sehingga ada yang boleh membawa kepada kematian," katanya.



AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Sebahagian besar pesakit tiada gejala

Sebanyak 12,528 kes baharu dilaporkan, hanya 64 kes kritikal

Oleh SYAHIDATUL AKMAL DUNYA

SHAH ALAM

Sebanyak 12,528 kes baharu direkodkan pada Sabtu dan hanya 64 kes atau 0.5 peratus berada dalam kategori lima iaitu kritikal dan memerlukan ventilator.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebahagian besar kes berada pada kategori satu iaitu tiada gejala dan kategori dua (gejala ringan).
 Jelas beliau, sebanyak 6,840 kes (54.6 peratus) pada kategori satu manakala 5,468 kes (43.6 peratus) dalam kategori dua.

"Bagi kategori tiga (radang paru-paru) pula, sebanyak 112 kes bersamaan 0.9 peratus dilaporkan dan untuk kategori empat (perlu oksigen), sebanyak 44 kes (0.4 peratus)," katanya menerusi ciapan di Twitter pada Sabtu.

Menerusi perkongsian di ciapan lain, Dr Noor Hisham memaklumkan, berdasarkan jumlah ujian saringan melibatkan Teknik Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) dan Antigen Rapid Test Kit (RTK-Ag) menunjukkan trend menaik.



DR NOOR HISHAM



Noor Hisham Abdullah @DGHisham

Drp 12,528 kes baharu hari ini (17 Julai 2021):

- Kategori 1 (tiada gejala): 6,840 kes (54.6%)
- Kategori 2 (gejala ringan): 5,468 kes (43.6%)
- Kategori 3 (radang paru-paru): 112 kes (0.9%)
- Kategori 4 (perlu oksigen): 44 kes (0.4%)
- Kategori 5 (kritikal dgn ventilator): 64 kes (0.5%)

Sebanyak 6,840 kes (54.6 peratus) pada kategori satu manakala 5,468 kes (43.6 peratus) dalam kategori dua.


"Secara umumnya, jumlah sampel Covid-19 (ujian RT-PCR dan RTK-Ag) yang diuji untuk tempoh 14 hari kebelakangan menunjukkan trend menaik.

"Pada 16 Julai 2021, jumlah ujian keseluruhan adalah 132,935 di mana 65,171 ujian RT-PCR dan 67,764 RTK-Ag telah dijalankan.

"Negeri Selangor telah menjalankan jumlah ujian tertinggi iaitu 46,681 manakala Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur sebanyak 16,500 ujian dan Johor pula 10,611 ujian," tambahnya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI




- Kategori 1** Tanpa gejala
- Kategori 2** Gejala ringan
- Kategori 3** Jangkitan paru-paru
- Kategori 4** Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen
- Kategori 5** Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia



Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 17 Julai 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	905,851	PULIH:	779,171	ICU:	908	KEMATIAN:	6,866	KES BAHARU:	12,528	SUDAH DIVAKSIN:	13,621,884
---------------------	---------	--------	---------	------	-----	-----------	-------	-------------	--------	-----------------	------------

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS

Death toll breaches 100 mark for sixth straight day

KUALA LUMPUR: Covid-19 claimed another 138 lives yesterday, breaching the 100 mark for the sixth consecutive day.

This is the highest daily fatalities since Covid-19 hit the country last year.

The country on July 8 reported 135 deaths.

Malaysia reported 102 fatalities last Monday, 125 on Tuesday, 118 on Wednesday, 110 on Thursday and 115 deaths on Friday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 46 deaths were reported in Selangor, 20 in Negri Sembilan, and 16 each in Kuala Lumpur and Johor. They are followed by Melaka (11), Kedah (seven), Perak (four), Penang (three), Terengganu (two) and Sabah (one).

Of the total deaths, 128 were Malaysians.

Dr Noor Hisham said 18 of them were brought in dead. Only 10 had no chronic ailments.

He added that currently there were 908 cases being treated in intensive care units, with 425 of them requiring breathing assistance.

Malaysia recorded 12,528 new Covid-19 cases in the past 24 hours, breaching the 11,000 mark for the fifth consecutive day. Of

the total, 19 were imported cases.

On Tuesday, 11,079 new cases were recorded, followed by 11,618 on Wednesday, 13,215 on Thursday and 12,541 fresh infections on Friday.

Dr Noor Hisham said 98.2 per cent of the new cases reported were in categories One and Two, where patients displayed only mild symptoms or none at all.

"A total of 6,840 cases (54.6 per cent) are in Category One and 5,468 cases (43.6 per cent) are in Category Two.

"We have recorded 122 cases (0.9 per cent) in Category Three, where the patients have pneumonia, followed by 44 cases (0.4 per cent) in Category Four, where the patients require oxygen (therapy).

"There are 64 cases (0.5 per cent) in Category Five, where the patients are in critical condition."

Dr Noor Hisham added that 4,985 cases were recorded in Selangor, making it the state with the highest number of cases, followed by Kuala Lumpur (1,740) and Negri Sembilan (1,280).

Kedah recorded 701 new cases, followed by Sabah with 647, Johor (625), Melaka (569), Perak (428), Penang (396), Sarawak

(388), Pahang (317), Kelantan (211) and Terengganu (177).

"Putrajaya and Labuan recorded 41 and 22 new cases respectively, and Perlis recorded one new case."

With the new cases yesterday, the total number of infections in the country stands at 905,851.

"A total of 6,629 new recoveries were reported, bringing the total number of recoveries to 779,171, or 86.02 per cent."

Dr Noor Hisham said 28 new clusters were detected, bringing the total number of active clusters to 906.

"Workplace-related Covid-19 clusters continue to dominate, making up 19 of the 28 new clusters detected. The remaining six clusters are community-related, high-risk group (two) and education (one)."

He said Putrajaya recorded the highest infectivity rate (Rt) at 1.31, much higher than the national average, which stood at 1.19. Other states which recorded an Rt of above 1.0 were Terengganu (1.25), Negri Sembilan (1.21), Kedah (1.20), Selangor (1.19), Melaka (1.18), Kuala Lumpur (1.17), Penang (1.14), Kelantan (1.11), Pahang (1.10), Perak (1.10), Sabah (1.09) and Johor (1.08).



People being tested for Covid-19 in Butterworth, Penang, yesterday. PIC BY DANIAL SAAD

ROAD TO RECOVERY

UP to Friday, 18,583,368, or 56.74 per cent, of 32.75 million people in Malaysia have registered for Covid-19 vaccination, according to the Vaccine Supply Access Guarantee Special Committee (JKJAV).

To date, 13,621,884 people have received either one dose or both doses of the vaccine (41.7 per cent of the population). This means 4,304,740 people have been fully vaccinated (13.2 per cent) and 9,317,144 individuals have received the first dose of the vaccine (28.5 per cent).

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Health DG: Heed travel bans

'Celebrate Aidiladha responsibly to prevent new clusters'

PETALING JAYA: More than 98% of the 12,528 new Covid-19 cases reported yesterday were either asymptomatic or only had mild symptoms, says the Health director-general.

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah warned Malaysians against sparking new clusters by visiting one another or travelling beyond state lines for Hari Raya Aidiladha, which falls on Tuesday.

He reminded the public of the many clusters that came about due to negligent behaviour during past celebration and festival periods.

"The Health Ministry would like to call on the community to take heed and not repeat irresponsible

attitudes, especially during the Hari Raya Aidiladha celebration.

"The community is reminded that inter-district and interstate bans are still in force. So is the ban on visitations to celebrate the festival.

"Don't let the excitement of celebrating Hari Raya Aidiladha cause all of us to also be 'sacrificed' to Covid-19," Dr Noor Hisham said in a statement yesterday.

Malaysia recorded the highest number of daily Covid-19 fatalities yesterday at 138, bringing the overall death toll to 6,866.

The nation's cumulative cases now stands at 905,851.

More than half of the new cases yesterday (6,840 or 54.6%) were

classified as Category 1 (asymptomatic), while 5,468 cases (43.6%) fell under Category 2 (mild symptoms).

One hundred and twelve cases (0.9%) were classified as Category 3 (those experiencing pneumonia or inflammation of the lungs), and 44 cases (0.4%) were in Category 4 (those who have pneumonia and require oxygen), while 64 (0.5%) were in Category 5 (critical cases requiring ventilator support).

Of the new cases, 19 were imported cases while 12,509 were local infections.

Selangor again recorded the highest daily case new numbers at 4,985.

This was followed by Kuala

Lumpur (1,740), Negri Sembilan (1,280), Kedah (701), Sabah (647) and Johor (625).

The three states that recorded the fewest cases were Perlis (one), Labuan (22) and Putrajaya (41).

There were also 6,629 recoveries nationwide, making it a total of 779,171 recoveries to date.

The number of active cases is now 119,814 against a backdrop of 905,851 cumulative cases.

Twenty-eight new clusters were reported, bringing the total number of active clusters to 906.

The new clusters were from workplaces (19), communities (six), high-risk groups (two) and an education centre (one).



All Klang Valley PPV to remain open on Aidiladha

PETALING JAYA: It will be a special korban (sacrifice) this coming Hari Raya Aidiladha as all vaccine dispensing centres (PPV) in the Klang Valley will remain open to administer jabs to the public.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba said all public and private PPV would operate during the public holiday on Tuesday.

"This is to support our target of vaccinating all residents in the Klang Valley with at least one dose of the vaccine by Aug 1.

"All public and private PPV will not close on Hari Raya Haji on July 20 and instead 'berkorban' to continue vaccinating the public," he told *Sunday Star* yesterday.

Dr Adham said all PPV would also remain open on weekends.

"The operating hours for public PPV (those involving health clinics and public hospitals) have been extended to 7pm while private vaccination centres will open until 9pm daily," he added.

ProtectHealth Corporation chief executive officer Dr Anas Alam Faizli said: "The best korban we can offer now is to continue vaccinating people during Aidiladha."

He said ProtectHealth had informed all private medical practitioners and health-related NGOs participating in the National Covid-19 Immunisation Programme that vaccinations would continue on public holidays and weekends unless there were changes.

Earlier on his Twitter account, he posted that PPV would be open every day.

ProtectHealth Corporation is a wholly-owned non-profit subsidiary of the Health Ministry that implements private medical practitioner participation in the national vaccination programme.